

1981

KUALA LUMPUR, 30 OGOS (BERNAMA) — DATUK SERI DR. MAHATHIR MOHAMAD BERKATA HARI INI SISTEM KERAJAAN CAMPURAN SEKARANG MERUPAKAN FORMULA YANG SESUAI BAGI MALAYSIA KERANA IA DIDAPATI BERJALAN DENGAN LICIN.

PERDANA MENTERI BERKATA DI BAWAH SISTEM ITU NEGARA MENGHADAPI KEMAJUAN PESAT DAN TELAH JUGA MEMBAWA KEMAJUAN KEPADA RAKYAT.

BERUCAP MERASMIKAN KONVENSYEN MCA ANJURAN MCA WILAYAH PERSEKUTUAN DI SINI, BELIAU BERKATA PEMBENTUKAN KERAJAAN CAMPURAN DI NEGARA INI ADALAH UNIK KERANA IA DIBENTUK SEBELUM PILIHAN-RAYA DAN BUKAN SELEPASNYA.

KATA BELIAU KERAJAAN CAMPURAN ITU BUKAN BERDASARKAN KETIDAK-MAMPUAN KERAJAAN TETAPI LAHIR DARI HASRAT SUNGGUH-SUNGGUH UNTUK BEKERJASAMA Mencari kompromi bagi mengurangkan konflik.

DATUK SERI DR. MAHATHIR BERKATA SEBARANG CADANGAN UNTUK MENUKAR SISTEM YANG ADA SEKARANG HENDAKLAH MEMIKIRKAN KESAN-KESAN YANG AKAN TIMBUL.

BELIAU MENGINGATKAN PERUBAHAN BUKAN SAHAJA AKAN MENDATANGKAN KEMUSNAHAN KEPADA NEGARA MALAH AKAN MENUKAR CORAK KERAJAAN. — BERSAMBUNG 1635/SZ

MAHATHIR-MCA 2 KUALA LUMPUR

PERDANA MENTERI BERKATA JIKA PERUBAHAN PERLU DIBUAT IA HENDAKLAH DISELARASKAN SUPAYA TIDAK MENDATANGKAN KESUKARAN KEPADA RAKYAT BERBAGAI KAUM.

BELIAU MENGINGATKAN PERUBAHAN JANGANLAH DIBUAT ATAS NASIHAT DARI LUAR, TERUTAMA RAKYAT ASIANG YANG LEBIH BIJAK MENUNJUKKAN CARANG BAGAIMANA HENDAK MENTADBIR NEGARA INI.

BELIAU BERKATA PERUBAHAN-PERUBAHAN DI VIETNAM, KAMPUCHEA, IRAN, AFGHANISTAN DAN ETHIOPIA UMPAMANYA ADALAH BERIKUTAN NASIHAT DAN CAMPURTANGAN ASING.

+PERUBAHAN TERSEBUT MEMBURUKKAN LAGI KEADAAN DARI DEMOKRATIK KEPADA KURANG DEMOKRATIK SEHINGGA KEPADA BENTUK KERAJAAN TOTALITARIAN, + KATA BELIAU.

MENYOROT KEMBALI KEMERDEKAAN SELAMA 24 TAHUN, DATUK SERI DR. MAHATHIR BERKATA NEGARA TELAH MENCAPAI KEMAJUAN BESAR SUNGGUHPUN TERPAKSA MENGHADAPI MASALAH SERIUS, PERKAUMAN DAN KURANG BERPADU PADA PERMULAANNYA.

MENURUT BELIAU NEGARA TERUS AMAN DAN MENCAPAI KEMAJUAN PESAT BERBANDING DENGAN NEGARA-NEGARA LAIN YANG MENCAPAI KEMERDEKAAN PADA MASA YANG SAMA ATAU LEBIH DULU DARI MALAYSIA. — BERSAMBUNG 1637

B555
MAHATHIR-MCA 3 KUALA LUMPUR

SEBELUM ITU, Pengerusi MCA Wilayah Persekutuan, Encik TAN KOON SWAN BERKATA RAKYAT MALAYSIA Keturunan China masih dalam proses mengenalpasti masalah mereka dan berharap konvensyen itu akan memberi peluang untuk mencapai penyelesaian.

MENURUT BELIAU MASALAH-MASALAH YANG DIHADAPI OLEH MASYARAKAT CHINA HANYA BOLEH DIATASI DENGAN PENDEKATAN POSITIF DAN PRAGMATIK. BELIAU MENYERU ANGGOTA-ANGGOTA MCA MENYAHUT SERUAN KERAJAAN SUPAYA MENYERTA DENGAN LEBIH CERGAS DALAM PEMBANGUNAN NEGARA. LAPAN KERTAS KERJA MENGENAI DASAR EKONOMI BARU, PELAJARAN, PERKHIDMATAN AWAM, POLITIK DAN PEMBANGUNAN AKAN DIBINCANGKAN DI KONVENSYEN SEHARI ITU. — BERNAMA 1640/SZ → 569.

B569:

MAHATHIR—MCA 4 KUALA LUMPUR (SAMBUNG BERITA B555)

BERUCAP MENUTUP KONVENSYEN ITU, TIMBALAN PRESIDEN MCA, DATUK RICHARD HO BERKATA PADA UMUMNYA MCA DITERIMA SEBAGAI SEBUAH PARTI STABIL DAN BERKESAN SUNGGUHPUN ADA PERBEZAAN PENDAPAT DI KALANGAN AHLI.

KATA BELIAU KEPIMPINAN KOLEKTIF MCA TELAH MENJADI LEBIH KUKUH DENGAN ADANYA ANGGOTA MUDA DAN INI MEMBAWA PEMBAHRUAN CERGAS DAN KEGIATAN PARTI.

BELIAU MENEGASKAN ADALAH PERLU UNTUK MEWUJUDKAN PENYATUAN MATA-LAMAT MASYARAKAT CHINA DI NEGARA INI.

SEBAGAI MASYARAKAT MINORITI, PERSELISEHAN YANG MELAMPAU AKAN MENJEJAS KEKUATAN PARTI.

DATUK HO JUGA BERKATA RAKYAT MALAYSIA KETURUNAN CHINA PERLU MENYESUAIKAN DIRI DENGAN MASYARAKAT BERBAGAI KAUM YANG LAIN DI SAMPING SESAMA SENDIRI UNTUK MENYUMBANG DALAM MEWUJUDKAN MALAYSIA YANG BERSATU PADU. — BERNAMA 1727/AI